



DATIN Seri Dr Siti Hasmah, Timbalan Menteri Penerangan, Puan Rahmah Othman (kanan) dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Perayaan Hari Wanita 1982, Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail (kiri) memerhati barang-barang tumbaga

hasil kerjatangan Pergerakan Wanita UMNO Selangor yang dipamerkan di majlis Perasmian Hari Wanita UMNO Selangor di Rumah Kerajaan Negeri Selangor, Kuala Lumpur kelmarin.— Gambar Berita Harian.

Wanita Melayu digesa tanam semangat tekun bekerja dan berdisiplin

KUALA LUMPUR, Ahad — Datin Seri Dr Siti Hasmah Haji Mohd Ali menggesa wanita-wanita Melayu menanam semangat disiplin serta tekun bekerja dan tidak terialu menyerah kepada nasib untuk berjaya dalam hidup.

Katanya, sikap selalu menyerah kepada takdir atau nasib melemahkan disiplin diri yang ingin maju ke hadapan.

Wanita-wanita Melayu juga hen-

dalah bersaing dengan wanita-wanita asing dalam memajukan keluarga masing-masing untuk membaiki taraf kehidupan.

Berucap merasmikan Hari Wanita UMNO Selangor di Rumah Kerajaan Negeri Selangor di sini semalam, Datin Seri Dr Siti Hasmah berkata, disiplin dan semangat serta sikap hendak maju dan berjaya berlandaskan ajaran agama Islam amat penting

dalam kehidupan jika ingin menjejar pembaharuan.

Walaupun sibuk menjejar kemajuan, tambahnya, wanita-wanita juga tidak seharusnya mencuaikan tugas dan tanggungjawab kepada keluarga.

"Sikap atau pegangan bahawa semua dari Barat patut dijadikan cermin perbandingan dan jadi iktan hendaklah dihapuskan dari kamus hidup kita sekarang," tegas Datin Seri Dr Siti Hasmah.